

KERAJAAN NEGERI PERAK

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA : **JPS/MJG/SP/06/2021**
TAJUK : **KERJA-KERJA MENGOREKPULIH SALIRAN PERTANIAN DI PARIT PASIR BELANDA SERTA KERJA BERKAITANYA DI KG. KAYAN, MUKIM LEKIR, DAERAH MANJUNG, PERAK**

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam **Gred G1, Kategori CE dan Pengkhususan CE21 atau CE36**, dan dengan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/ Kontraktor juga mestilah dari kalangan kontraktor tempatan (iaitu bagi daerah/negeri **Manjung**) sahaja.
3. Segala maklumat dan dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Unit Kewangan, Pejabat Jurutera Daerah, JPS Daerah Manjung, Perak** mulai dari **23.02.2021 - 02.03.2021** Waktu membeli dokumen Sebut harga adalah seperti berikut :
 i) Isnin – Khamis : 8.30 pagi – 11.30 pagi.
 ii) Jumaat : 8.30 pagi – 11.00 pagi.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
5. Kontraktor yang ingin memasuki Sebut Harga diatas adalah dikehendaki membayar secara **Wang Tunai** berharga **RM 20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja)** sebagai bayaran dokumen Sebut Harga.
6. Lawatan Tapak/Taklimat Sebut Harga **TIDAK DIWAJIBKAN** berdasarkan keadaan semasa bagi mengelakkan perhimpunan Di Bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 Dan Akta Polis 1967. Walaubagaimanapun, pihak kontraktor boleh melakukan lawatan secara bersendirian tanpa pengawasan pegawai di lokasi berikut :

Nama Tempat : Parit Pasir Belanda, Kg.Kayan
 Koodinat GPS : 4.053606N 100.775936E

Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau wakil yang mempunyai surat yang mewakilkan kuasa sahaja boleh menghadiri Membeli Borang Sebut Harga dengan mematuhi langkah-langkah seperti berikut :


- I. Pemeriksaan suhu badan melalui *held thermometer* hanya suhu badan yang normal sahaja dibenarkan membeli borang sebutharga)
- II. Penjarakan sosial 1 meter
- III. Penggunaan topeng muka (*Face Mask*)

7. Sebut Harga ini akan ditutup pada **02.03.2021 (SELASA)**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Jurutera Daerah, JPS Daerah Manjung, Sitiawan, Perak** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada hari tersebut.

(**MOHAMMAD ROZDHI BIN ABDULLAH**)

Jurutera Daerah,
 Jabatan Pengairan dan Saliran,
 Daerah Manjung, Perak.

- sk: i) Pengarah, JPS Negeri Perak
 ii) Pusat Khidmat Kontraktor (Cawangan Negeri Perak)
 iii) Persatuan Pemborong Bumiputera Daerah Manjung



KORRDINAT GPS : 4.053606, 100.775936E

LOKASI PARIT PASIR BELANDA